

SULIT



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

**HKB507 - Karya Terpilih Pemenang Hadiah Nobel
dalam Kesusasteraan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

...2/-

SULIT

- 2 -

Bahagian A

1. Bertitik tolak pada konsep *Nirguna Brahman* dalam agama Hindu, jelaskan perhubungan kerohanian antara "I" dan "my God, Him that is formless" dalam karya *Gitanjali* (1913) oleh Rabindranath Tagore. Kemudian, bincangkan keistimewaan *Gitanjali* di mata Panel Akademi Sweden sehingga Tagore berjaya meraih Hadiah Nobel (kategori Kesusasteraan) bagi tahun 1913.

[100 markah]

2. Dengan merujuk kepada beberapa jenis cinta, bincangkan kisah perhubungan intim Shimamura dan Komako dalam *Snow Country* (1956) oleh Yasunari Kawabata. Seterusnya, dengan merujuk kepada rasa **wabi** dan rasa **aware** dalam estetika Jepun, bincangkan juga nasib yang dialami oleh Komako sebagai seorang **geisha onsen** dalam karya berkenaan.

[100 markah]

3. Huraikan liku-liku kisah misteri jenayah di Turki abad ke-16 seperti yang ditampilkan oleh Orhan Pamuk dalam novelnya *My Name is Red* (2002). Seterusnya, bincangkan secara kritis konflik falsafah Islam-Barat dalam arena seni yang berkait dengan kisah jenayah tersebut.

[100 markah]

Bahagian B

4. *Swamp Dwellers* (1969) karya Wole Soyinka mencerminkan identiti budaya masyarakat Yoruba yang mengalami perubahan. Rincikan persaingan antara tradisi dan modeniti masyarakat Yoruba dalam karya ini. Seterusnya, bahaskan kesan persaingan tersebut kepada masyarakat Yoruba dengan memberikan bukti-bukti yang jelas.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

5. Panel Akademi Sweden berpendapat bahawa Gabriel García Márquez memiliki kekuatan dalam mencerminkan kehidupan dan konflik di benuanya dengan mengadunkan fantasi dan realiti melalui daya imaginasinya yang kaya. Dengan menggunakan novel *Sumpah Tujuh Keturunan* (1991), bincangkan pernyataan panel tersebut.

[100 markah]

6. Karya-karya Naguib Mahfuz yang bernuansa telah membentuk seni naratif Arab yang bersifat sejagat untuk semua manusia. Berdasarkan cerpen "Zaabalaawi" (1991), berikan penilaian kritis anda tentang sifat kesejagatan dalam karya Naguib Mahfuz ini.

[100 markah]

- oooOooo -